


Contoh paparan dashboard bagi pelaporan bilangan ahli RAS di seluruh negeri adalah seperti rajah di bawah.



Urus setia program perlu mengisi maklumat program di sistem terlebih dahulu dan akan dihebahkan kepada ahli RAS melalui sistem dan e-mel. Skor Indeks MyJAS bagi program yang telah selesai dilaksana akan dijana secara automatik.

Faedah/ Outcome Sistem



KAMI MAHU GAYA HIDUP LESTARI
WE WANT A SUSTAINABLE LIFESTYLE

SISTEM Rakan Alam Sekitar (MyRAS)

Bahagian Komunikasi Strategik
Jabatan Alam Sekitar



Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Alam Sekitar dan Air
Aras 1 – 4, Podium 2 & 3, Wisma Sumber Asli
No.25, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62574 Putrajaya, Malaysia.

Email : myras@doe.gov.my
URL : <https://myras.doe.gov.my/>

SISTEM Rakan Alam Sekitar (MyRAS)




Sistem Rakan Alam Sekitar

Program Rakan Alam Sekitar (RAS) yang dilancarkan pada 4 Jun 2009 merupakan inisiatif Kerajaan dalam meningkatkan kesedaran dan menggerakkan anggota masyarakat dalam aktiviti kelestarian alam sekitar.

Program RAS merupakan suatu program pendekatan penglibatan secara hands-on atau fizikal oleh anggota masyarakat yang menjadi 'mata dan telinga' untuk membantu agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dalam membanteras kegiatan-kegiatan yang merosakkan atau mencemarkan alam sekitar. Setiap tahun, JAS telah melaksanakan dan merancang pelbagai aktiviti Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA) secara berterusan kepada orang awam di peringkat Ibu Pejabat dan Negeri.

Sistem RAS telah mula diperkenalkan pada tahun 2009 untuk merekodkan pendaftaran ahli secara dalam talian dan manual. Manakala pada 2019, kefungsi sistem ini dinaiktaraf dan dilengkapi dengan kebolehan janaan skor Indeks MyJAS bagi mengukur keberkesanan program CEPA. Skor Indeks MyJAS diformulasi berdasarkan buku Guidance Document for Conducting Effective Environmental Programme yang diterbitkan oleh JAS dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Sistem MyRAS dibangunkan dengan melibatkan beberapa modul iaitu Modul Ahli RAS, Modul JAS Negeri/ Urusetia Program, Modul Pentadbir dan Modul Pelaporan adalah seperti rajah di bawah.



Pendaftaran sebagai ahli baru RAS di sistem akan disemak dengan Sistem myIDENTITY, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi memastikan data pendaftaran ahli adalah tepat dan sah. Carta alir proses pendaftaran dan kefungsi yang melibatkan Ahli RAS adalah seperti rajah di bawah.

